

Bukan masa

pilih calon

disayangi-PM

LAGI BERITA
DAN GAMBAR DI
MUKA 2 DAN 19

UM
BT 2 - JUL 1990

Oleh

Badrul Azhar Rahman

SEPANG 1 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa pilihanraya umum bukanlah masa untuk memilih seseorang calon yang disayangi, sedangkan calon itu belum tentu dapat membawa pembangunan.

Katanya, memilih seseorang calon yang disayangi belum memastikan calon itu berkeupayaan untuk membentuk kerajaan dan seterusnya memerintah negara.

Rakyat tentukan

"Walaupun calon itu baik dan pandai melayan kita, tetapi itu tidak cukup untuk membentuk kerajaan dan itu bukan pilihanraya namanya," kata Perdana Menteri di Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Bagan Lalang dekat sini.

Hadir bersama di perhimpunan tersebut adalah isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, para pemimpin Pusat dan pemimpin parti di peringkat Negeri Selangor termasuk Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhammad Mohd. Taib.

Menurutnya, rakyat perlu tentukan sebilangan besar daripada calon dari sebuah parti itu menang bagi membolehkan parti tersebut cukup kerusi untuk menubuhkan kerajaan.

Dalam hal ini, tegas beliau,

LIHAT MUKA 2

BUKAN MASA PILIH CALON DISAYANGI — PM

BT 2 - JUL 1990

pembentukan sebuah kerajaan yang stabil adalah lebih penting dari memilih seseorang calon yang dikenali dan disayangi.

Beliau menjelaskan bahawa seseorang wakil rakyat tidak dapat berbuat apa-apa untuk memajukan sesuatu tempat tetapi pembangunan yang pesat hanya dapat dilaksanakan oleh kerajaan.

Perdana Menteri menasihati penduduk Sepang supaya jangan mengulangi amalan mereka suatu ketika dahulu yang memilih wakil rakyat semata-mata kerana sayang kepadanya.

Beliau juga menegaskan ahli Parlimen Bukit Bintang, Encik Lee Lam Thye diperlihatkan sebagai orang yang sentiasa membantu rakyat kerana beliau bekerjasama dengan kerajaan dan kerajaan pula yang mengeluarkan bantuan itu.

Perdana Menteri turut menasihati rakyat supaya menolak segala fitnah yang dilemparkan oleh parti-parti lawan kerana mereka hanya mahukan undi dari rakyat dan bukannya untuk berkhidmat.

Menurutnya, dalam Parti Semangat 46, pemimpin-pemimpinnya terdiri dari orang-orang yang kecewa dan golongan kecewa ini

hanya mahu memperalatkan rakyat untuk dapat undi.

Beliau menegaskan, Semangat 46 sepatutnya berlagak seperti UMNO dan bermusuh dengan DAP dan Pas tetapi sebaliknya mereka berganding bahu dengan kedua parti pembangkang itu.

Mengenai Pas pula, beliau menegaskan, apa yang dilakukan oleh parti tersebut hari ini adalah lebih dahsyat dari tindakan mereka sebelum ini.

Tindakan Pas menerima perjuangan DAP iaitu menubuhkan negara sekular adalah bertentangan sekali dengan perjuangan Pas untuk menubuhkan sebuah negara Islam, ujarnya.

Mengenai pemimpin kesatuan sekerja seperti Encik Zainal Rampak dan Encik V. David, Perdana Menteri melahirkan rasa hairan kenapa kedua pemimpin kesatuan itu terus dikekalkan dalam MTUC.

Menurutnya, rakyat perlu mengkaji perjuangan kedua pemimpin ini kerana mereka sanggup gadaikan nasib pekerja demi untuk kepentingan masing-masing.

Di samping perhimpunan rakyat itu, Perdana Menteri juga merasmikan Pusat Peranginan Bagan Lalang dekat sini.